



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2017/06/38 (HQ)

PM RASMI PROJEK LAMPU JALAN KAMPUNG (LJK8) PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

Ramadan membawa rahmat dan sinar kepada 433 buah kampung di Negeri Sembilan dengan pelaksanaan Projek Lampu Jalan kampung Fasa Lapan (LJK8), Peringkat Negeri Sembilan, dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak dalam Majlis Berbuka Puasa di Masjid Paroi Jaya, di sini, hari ini.

Pelaksanaan projek itu membolehkan pergerakan penduduk kampung menjadi lebih selesa dan selamat apabila kawasan yang dahulunya gelap ketika malam atau dinihari, terang disinari cahaya lampu jalan.

Sebanyak RM3.4 juta diperuntukkan untuk pemasangan 4,337 unit lampu jalan di Negeri Sembilan, daripada sejumlah RM100 juta peruntukan disediakan oleh kerajaan bagi menyediakan 111,833 unit lampu jalan di seluruh negara, di bawah LJK8.

Dalam fasa satu hingga fasa tujuh LJK, sebanyak 300,000 unit lampu jalan kampung telah dipasang di seluruh negara dengan kos RM150 juta. Di Negeri Sembilan 18,300 unit telah dipasang.

Kerajaan, menerusi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melaksanakan projek pemasangan lampu jalan kampung ini sejak tahun 2003, menerusi program Bekalan Elektrik Luar Bandar dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) merupakan agensi pelaksana projek.

Daripada 111,833 unit lampu dipasang pada fasa lapan ini, sebanyak 6,333 unit adalah lampu jenis LED atau Light Emitting Diode, manakala selebihnya ialah jenis High Pressure Sodium Vapour (HPSV). Bagi Negeri Sembilan, 337 unit lampu adalah jenis LED.

Majlis pelancaran turut dihadiri Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Mohamad Hassan dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 6:30 petang, 2 Jun 2017

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau emel ke media@tnb.com.my*